

Saman fitnah Lim Guan Eng

Muhyiddin sudah bayar ganti rugi RM1.4 juta

Kuala Lumpur: Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sudah mendeposikan ganti rugi RM1.4 juta bagi jumlah penghakiman saman fitnah yang perlu dibayar kepada Pengerusi DAP, Lim Guan Eng.

Pada 8 November tahun lalu, Hakim Roz Mawar Rozain membenarkan tuntutan saman fitnah Guan Eng berhubung isu pembatalan pengecualian cukai kepada Yayasan Albukhary dan memerintahkan Muhyiddin membayar ganti rugi RM1.35 juta.

Peguam Guok Ngeek Seong mewakili Guan Eng ketika dihubungi media semalam, berkata Muhyiddin mendeposikan jumlah itu termasuk kos sebanyak RM50,000 ke dalam akaun firma guaman pihaknya, kelmarin.

"Tan Sri sudah membayar RM1 juta ke akaun pelanggan firma saya semalam (kelmarin). Sejumlah RM400,000 sudah dibayar Disember tahun lalu.

"Ia sebagai syarat penggantian penghakiman yang diperoleh Guan Eng terhadap Tan Sri Muhyiddin," katanya.

Perkara itu turut disahkan peguam Chetan Jethwani yang mewakili Muhyiddin.

Chetan berkata, Mahkamah Tinggi memberi perintah pengantungan sementara Muhyiddin mengemukakan rayuan, dengan syarat jumlah penghakiman dibayar kepada peguam cara sebelum 31 Januari.

"Jadi jumlah penghakiman sudah didepositkan dengan pe-

guam cara Guan Eng semalam," katanya.

Pada 16 Disember tahun lalu, Roz Mawar memberi penangguhan bersyarat kepada Muhyiddin dengan memerintahkan bekas Perdana Menteri itu membayar RM400,000 sebelum atau pada 31 Disember, manakala baki ganti rugi terbabit sebelum atau pada 27 Januari ini.

Roz Mawar dalam keputusan tuntutan saman itu, mendapati Guan Eng berjaya membuktikan kesnya terhadap Muhyiddin melalui prinsipimbangan kebarangkalian, iaitu beban pembuktian bagi proses tuntutan saman sivil.

Mahkamah memerintahkan Muhyiddin membayar ganti rugi am kepada Guan Eng sebanyak RM1.05 juta dan ganti rugi teruk serta teladan masing-masing berjumlah RM150,000.

Pada 27 Mac 2023, Guan Eng memfailkan saman terhadap Muhyiddin kerana didakwa mengeluarkan tiga kenyataan berunsur fitnah di Facebook berhubung isu pengecualian cukai pada 9, 11 dan 12 Mac 2023.

Laporan itu kemudian diterbitkan beberapa akhbar dan portal berita.

Guan Eng mendakwa, kenyataan fitnah itu juga bermaksud beliau menyalahgunakan kedudukan dan kuasanya dengan memberi kuasa atau mengarahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengenakan cukai dan penalti ke atas yayasan kebajikan itu, sedangkan mereka tidak sepatutnya dikenakan cukai.